# PROGRAM TECHNICAL WEBINAR #100TECHTALK

## The Global Growth of 5G

**#100TechTalk** | **14 Oktober**

## Berita

Webinar teknikal bertajuk The Global Growth Of 5G adalah salah satu dari tiga webinar ILP Kepala Batas di bawah Program Inisiatif 100 hari YB Menteri Sumber Manusia secara atas talian yang dipancarkan secara langsung melalui platform Facebook dan Youtube.

Webinar The Global Growth Of 5G ini dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Telekomunikasi ILPKBPP. Moderator bagi webinar ini ialah Ketua Bahagian Teknologi Telekomunikasi iaitu Ts Dr Norazwana Binti Mohd Najib. Manakala panel bagi webinar ini ialah Ir Dr Nordin Ramli yang merupakan Vice Chair IEEE Malaysia dan Chair Of IEEE 5G Malaysia.

Perbincangan dalam webinar ini banyak mengupas tentang perkembangan Industrial Revolution dari IR1.0 hingga IR4.0. Ir Dr Nordin Ramli telah merungkai pelbagai persoalan mengenai 5G, antaranya kelajuan 5G, perbezaan 4G dan 5G, perkembangan liputan 5G di Malaysia, serta penerangan dan huraian yang sangat bermanfaat dan jelas berkaitan teknologi 5G. Webinar ini telah dihadiri kira-kira 500 orang dimana para peserta terdiri dari pensyarah dan pelajar IPTA, IPTS dan institut TVET seluruh Malaysia, pihak industri dan juga kontraktor berkaitan.

Terima kasih pada semua yang menjayakan.

"Be Inspired, Be Extraordinary, Be World Class With TVET"




#ILPKepalaBatas
#TVETMalaysia
##TVET
#KSM
#JTM
#ILJTM
#ADTEC
#ILP
#100TechTalk
#JMTI
#KeluargaMalaysia

Jom Kongsikannya..